



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**

**12 SEPTEMBER 2021**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **1,717 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **173,863 kes**.

2 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Merah 27 daerah

3 **Analisa Harian COVID-19 Negeri Sabah**

i. **Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Jumlah kes COVID-19 hari ini turun di bawah angka (2,000) kes, iaitu (1,717) kes, penurunan sebanyak (-446) kes berbanding (2,163) kes semalam (11 September 2021).
- b. Walaupun ada daerah yang mencatat kenaikan kes tetapi kes di beberapa daerah menurun pada jumlah yang signifikan. Kota Kinabalu turun (-257) kes kepada kepada

(192) kes, Papar (-19) kes, Kota Marudu (-55) kes, Lahad Datu (-42) kes, Putatan (-39) kes, Kudat (-32) kes dan Keningau (-14) kes. Daerah Sandakan mencatatkan kes tertinggi di Sabah hari ini dengan (255) kes, (+10) kes lebih tinggi daripada semalam, Tuaran (+36) kes (Kluster Bawah Bayu, Tuaran menyumbang 47 kes), Pitas (+11) kes, Kinabatangan (+28) kes dan Tambunan (+6) kes.

- c. Daripada (1,717) kes hari ini, (658) kes atau 38.3% adalah kes lewat daftar antara 2 hingga 3 hari, (49) kes atau 2.9% lewat daftar antara 4 hingga 5 hari dan (67) kes atau 3.9% lagi lewat didaftar melebihi 5 hari selepas keputusan saringan diketahui.
- d. (977) kes atau 56.9% daripada (1,717) kes yang dicatat hari ini diperolehi melalui Saringan Kontak Rapat, (464) kes atau 27.0% melalui Saringan Bergejala, (67) kes daripada Saringan Kluster, dua (2) kes melalui Saringan Bersasar dan (207) kes melalui Saringan Lain-lain. Terdapat (25) kes melibatkan OKT (Orang Kena Tahan). 45.5% daripada kes di Tawau datang daripada Saringan Bergejala, 44.1% di Penampang, 29.7% di Kota Kinabalu dan 29.4% di Sandakan.
- e. Seramai (557) kes atau 32.4% daripada (1,717) kes adalah pesakit dalam Kategori 1, (1,026) kes atau 59.8% dalam Kategori 2, sembilan (9) kes dalam Kategori 3, (11) kes dalam Kategori 4 dan tujuh (7) kes dalam Kategori 5. (107) kes lagi masih dalam siasatan lanjut.
- f. Setakat 11 September 2021, 51.8% penduduk dewasa Sabah telah pun melengkapkan pengambilan vaksin dan 67.4% lagi telah memperolehi 1 dos.
- g. Mengikut statistik CITF, setakat 11 September 2021, 100% penduduk dewasa di Daerah Beaufort dan Putatan telah pun mengambil sekurang-kurangnya satu dos, 94% di Kuala Penyu, 88% di Kota Kinabalu dan 82% di Sipitang.
- h. Seluruh daerah di Negeri Sabah mencatatkan perubahan angka kes positif COVID-19 yang terus meningkat dan dengan jumlah catatan sebanyak (977) kes daripada Saringan Kontak Rapat, dapat disimpulkan masih terdapat kebarangkalian tinggi berlakunya aktiviti ketidakpatuhan SOP yang telah digariskan sungguhpun pelbagai seruan dan saranan telah dilakukan oleh pihak Kerajaan.

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	67	3.90%
2	Bergejala	464	27.00%
3	Kontak	977	56.90%
4	Bersasar	2	0.10%
5	Lain-lain	207	12.10%
<b>JUMLAH</b>		<b>1,717</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (11 September 2021) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Catatan Kes 11/09/2021</b>	<b>Catatan Kes 12/09/2021</b>	<b>Perbandingan</b>
1	Tuaran	112	148	+36
2	Kinabatangan	18	46	+28
3	Pitas	41	52	+11
4	Sandakan	245	255	+10
5	Kunak	28	35	+7
6	Tambunan	16	22	+6
7	Penampang	64	68	+4
8	Semporna	29	32	+3
9	Sipitang	7	9	+2
10	Kuala Penyu	4	5	+1
11	Tongod	17	17	Mendatar
12	Kota Kinabalu	449	192	-257
13	Kota Marudu	155	100	-55
14	Lahad Datu	141	99	-42
15	Putatan	103	64	-39
16	Kalabakan	60	23	-37
17	Kudat	58	26	-32
18	Papar	122	103	-19
19	Tenom	37	20	-17
20	Keningau	77	63	-14
21	Ranau	85	73	-12
22	Beluran	53	43	-10
23	Kota Belud	56	49	-7
24	Nabawan	32	26	-6
25	Beaufort	12	8	-4
26	Telupid	42	40	-2
27	Tawau	100	99	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>2,163</b>	<b>1,717</b>	<b>-446</b>

c. Punca mempengaruhi kes positif COVID-19 hari ini mengikut daerah dan kategori kes adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Kategori Kes					Bilangan Kes Baharu	Kes Terkumpul 14 Hari (29 Ogos – 11 September)
	Saringan Kluster	Saringan Kontak	Saringan Bergejala	Saringan Bersasar	Lain-lain Saringan		
Sandakan	0	99	75	0	81	255	3,566
Kota Kinabalu	0	122	57	0	13	192	5,351
Tuaran	47	68	28	0	5	148	2,202
Papar	0	60	43	0	0	103	1,712
Kota Marudu	0	79	21	0	0	100	1,090
Lahad Datu	13	43	27	2	14	99	1,281
Tawau	0	24	45	0	30	99	1,680
Ranau	0	69	1	0	3	73	676
Penampang	0	36	30	0	2	68	2,015
Putatan	0	32	25	0	7	64	929
Keningau	5	36	15	0	7	63	1,267
Pitas	0	42	9	0	1	52	537
Kota Belud	0	24	23	0	2	49	1,080
Kinabatangan	1	41	4	0	0	46	799
Beluran	0	37	6	0	0	43	434
Telupid	0	26	3	0	11	40	555
Kunak	0	27	8	0	0	35	331
Semporna	0	0	7	0	25	32	182
Kudat	0	8	18	0	0	26	634
Nabawan	1	21	0	0	4	26	429
Kalabakan	0	18	5	0	0	23	233
Tambunan	0	16	5	0	1	22	181
Tenom	0	15	5	0	0	20	497
Tongod	0	16	1	0	0	17	307
Sipitang	0	8	1	0	0	9	251
Beaufort	0	6	1	0	1	8	373
Kuala Penyu	0	4	1	0	0	5	94
<b>JUMLAH</b>	<b>67</b>	<b>977</b>	<b>464</b>	<b>2</b>	<b>207</b>	<b>1,717</b>	<b>28,686</b>

d. Catatan Kes Positif baharu COVID-19 hari ini melalui saringan mengikut daerah dan nama kluster adalah seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

Daerah	Nama Kluster	Jumlah Kes Baharu
Keningau	Kluster Pagar Sebrang	5
Tuaran	Kluster Bawah Bayu	47
Nabawan	Kluster Sawit Simpang Batu 38	1
Lahad Datu	Kluster Sawit Jeroco	13
Kinabatangan	Kluster Sungai Pin 3	1
<b>JUMLAH</b>		<b>67</b>

4 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

## **B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 12 SEPTEMBER 2021**

i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	1,675
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	0
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	5
Orang Dalam Tahanan /Banduan	37
<b>Jumlah</b>	<b>1,717</b>

<b>Import B (Jangkitan Luar Sabah)</b>	
Negeri Sembilan	1
Johor	2
Selangor	2
<b>Jumlah</b>	<b>5</b>

ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	1,534
Bukan Malaysia	183
<b>Jumlah</b>	<b>1,717</b>

iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin	513
Belum Menerima Vaksin	536
Menerima 1 Dos	150
Lengkap 2 Dos	518
<b>Jumlah</b>	<b>1,717</b>

iv. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	18
1 to 5	151
6 to 17	344
18 to 59	1,031
>60	173
<b>Jumlah</b>	<b>1,717</b>

**C BILANGAN LOKALITI PKPD MENGIKUT DAERAH**

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>BILANGAN PKPD AKTIF (Setakat 12 September 2021)</b>
1	Ranau	10
2	Tawau	5
3	Kota Belud	5
4	Kota Kinabalu	3
5	Keningau	3
6	Kudat	3
7	Papar	3
8	Kota Marudu	2
9	Putatan	2
10	Beluran	1
11	Telupid	1
12	Tenom	1
13	Tongod	1
<b>JUMLAH</b>		<b>40</b>

## **D PERLAKSANAAN PERATURAN MENSYARATKAN SEMUA PEKERJA DAN PELANGGAN BAGI SEKTOR PERDAGANGAN DAN PENGEDARAN, RESTORAN SERTA PASARAYA HENDAKLAH LENGKAP DOS VAKSINASI**

- 1 Orang ramai diingatkan sekali lagi bahawa semua pekerja dan pelanggan bagi semua sektor perdagangan dan pengedaran, restoran serta pasaraya hendaklah telah lengkap divaksinasi (telah menerima dua dos vaksin). Ini pada mulanya diumumkan untuk mula dikuatkuasakan selepas 15 September 2021.
- 2 Walau bagaimanapun, oleh kerana tahap vaksinasi seluruh negeri Sabah sehingga ke hari ini baru mencapai 52% populasi dewasa, maka tarikh kuatkuasa ini dianjakkan ke 21 September 2021, yakni tarikh sasaran Sabah mencapai tahap vaksinasi 60%.
- 3 Adalah juga dimaklumi bahawa terdapat kelambatan para pekerja di sektor perdagangan dan pengedaran, restoran serta pasaraya untuk menerima dos kedua, khususnya jenis vaksin Astra-Zeneca. Oleh yang demikian, para majikan boleh memohon pengecualian sementara. Permohonan hendaklah dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan dengan menyenaraikan nama kakitangan mereka yang terlibat, tarikh pengambilan dos pertama dan jadual tarikh pengambilan dos kedua.

## **E PELAKSANAAN PKPD BARU**

Setelah meneliti pembentangan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenai penilaian risiko serta trend jangkitan COVID-19, Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) akan **DILAKSANAKAN** di lokaliti-lokaliti seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>Lokaliti PKPD</b>	<b>Tarikh Mula PKPD</b>	<b>Tarikh Tamat PKPD</b>
1.	Perumahan IOI Plantations Unico Oil Mill Sdn Bhd, Segama, Lahad Datu	14 September 2021	27 September 2021

## F PENAMATAN PKPD

Setelah meneliti pembentangan oleh KKM mengenai situasi semasa, PKPD akan **DITAMATKAN** di lokaliti-lokaliti berikut:

BIL	Lokaliti PKPD	Tarikh Mula PKPD	Cadangan
1.	Taman Megah Jaya, Tawau	17 Ogos 2021	Ditamatkan pada 13 September 2021 seperti yang dijadualkan
2.	Kampung Bukit Gemuk, Tawau	31 Ogos 2021	Ditamatkan pada 13 September 2021 seperti yang dijadualkan
3.	Kampung Nasakot, Ranau	31 Ogos 2021	Ditamatkan pada 13 September 2021 seperti yang dijadualkan

## G STATISTIK VAKSINASI NEGERI SABAH

- 1 Setakat hari ini, **tiada** suntikan baharu dibuat bagi Fasa 1 Dos 1 Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 67,164 orang.
- 2 Bagi Fasa 1 Dos 2 juga, **tiada** suntikan baharu dibuat pada hari ini menjadikan jumlah kumulatif kekal sebanyak 58,575 orang.
- 3 Manakala, bagi Fasa 2 Dos 1 PICK, **5,948** suntikan baharu dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,706,053 orang.
- 4 Bagi Dos 2 Fasa 2 pula **14,478** suntikan baharu harian dibuat menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 1,284,482 orang.
- 5 Pada hari ini sebanyak 6,096 orang telah menerima vaksin dos tunggal Cansino menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 75,489 orang.

## **H BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Setakat hari ini, sejumlah **593,495** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan di bawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 3.0.

## **I LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, PBT, SANITASI DAN HEBAHAN AWAM *INFO ON WHEELS***

- 1 Sejumlah 89 SJR dilaksana dalam tempoh 24 jam, melibatkan pemeriksaan 29,600 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 232 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, PDRM melaksanakan 59 hebahan melalui kereta peronda dan tiada tangkapan dibuat.
- 2 Sebanyak 18 kompaun melanggar SOP COVID-19 telah dikeluarkan seluruh Sabah.
  - 13 Orang : Tidak Memakai Pelitup Muka
  - Tiga (3) Orang : Tidak Mematuhi Arahan Kawalan Pergerakan
  - Dua (2) Orang : Individu Gagal Mendaftar Masuk Premis
- 3 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) melibatkan 126 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 39 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Hasil pemeriksaan satu (1) tangkapan dibuat di bawah Akta Kawalan Bekalan 1961.
- 4 Laporan Pihak Berkuasa Tempatan
  - i Sebanyak 957 premis perniagaan telah diperiksa oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di bawah kawalan Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan. Tiada notis/amaran dan kompaun dikeluarkan oleh PBT.
  - ii Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) telah menjalankan pematuhan SOP ke atas 395 premis perniagaan dan 567 individu di 18 kawasan. Tiada kompaun dikenakan ke atas individu dan premis.

- 5 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan Rondaan Pemantauan Pematuhan SOP Peringkat Komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) telah dilaksanakan di 192 Premis Perniagaan melibatkan 113 anggota APM. Sebanyak sembilan (9) Notis Amaran dikeluarkan kepada premis perniagaan hari ini.
- 6 Sementara, rondaan sama oleh Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) dilaksanakan melibatkan 157 anggota di 192 lokasi.
- 7 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di 24 premis, melibatkan 11 buah BBP pada hari ini.
- 8 Sejumlah 144 hebahan awam di bawah program *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah dilaksanakan dilapan (8) daerah pada hari ini.
- 9 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 178 hebahan di seluruh Sabah.

**J KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PELAN PEMULIHAN NEGARA FASA 2**

1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP Pelan Pemulihan Negara Fasa 2 pada hari ini ialah **95.8%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Beaufort	96.5%
2	Papar	96%
3	Penampang	96%
4	Tuaran	96%
5	Sipitang	96%
6	Keningau	96%
7	Kota Marudu	96%
8	Beluran	96%
9	Ranau	96%
10	Kinabatangan	96%
11	Kota Belud	95.5%
12	Lahad Datu	95.5%
12	Sandakan	95.5%
13	Tenom	95.5%
15	Kudat	95.5%
16	Semporna	95.5%
17	Kunak	95%
18	Tawau	95%
19	Kota Kinabalu	95%

2 Semangat perpaduan dan kesatuan rakyat merupakan kunci utama untuk keluar dari kemelut pandemik COVID-19.

Nota : Terdapat beberapa data belum diterima dan akan dilengkapkan kemudian apabila telah diterima.

**Sekian.**

**#MalaysiaPrihatin**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**



**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**


Maklumat Tambahan kepada Kenyataan Media YB Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan dan Menteri Kewangan II bertarikh 12 September 2021.

Sebagai tambahan kepada Kenyataan Media yang telah diedarkan pada jam 7.00 malam, berikut adalah data-data tambahan yang baharu diterima dari pihak KKM:

**A**

- 1      Sebanyak 84 kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu 18 kes di Kota Kinabalu, 14 kes di Sandakan, 10 kes di Kota Belud, sembilan (9) kes di Penampang dan tujuh (7) kes di Tawau. Empat (4) lagi kes kematian turut direkodkan masing-masing di Lahad Datu, Kota Marudu dan Pitas. Tiga (3) lagi kes kematian juga dilaporkan di Tuaran, dua (2) kes di Keningau, Putatan, Papar dan Tenom manakala Semporna, Kunak dan Nabawan masing-masing mencatatkan satu (1) kes. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.
  
- 2      Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 1,950 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 148,248 orang. Manakala 4,858 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 1,631 orang di hospital, 3,146 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam, 71 orang di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara manakala 10 orang di fasiliti swasta. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 216 orang merangkumi 128 di ICU/repurposed kritikal care serta 88 di open ward (HDW/kubikel akut) dan 80 orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilated).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



- 4 Jumlah kapasiti katil 7,250 unit
- Hospital 1,893 unit.
  - Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam 4,685 unit.
  - Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara 672 unit.

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 66.87%.

Sekian.

#MalaysiaPrihatin

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
12 SEPTEMBER 2021**